

EMEND[®] KAPSUL

Aprepitant (80 mg, 125 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan EMEND
2. Bagaimana EMEND berfungsi
3. Sebelum menggunakan EMEND
4. Cara menggunakan EMEND
5. Semasa menggunakan EMEND
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan EMEND
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan EMEND

EMEND yang digunakan BERSAMA DENGAN UBAT LAIN untuk mencegah dan mengawal loya (rasa mual) dan muntah-muntah yang disebabkan oleh rawatan kemoterapi kanser yang anda hidapi.

Bagaimana EMEND berfungsi

EMEND tergolong dalam kelas ubat yang digelar antagonis reseptor neurokinin 1 (NK₁) bertindak dengan menghalang isyarat ke bahagian otak yang mengawal loya dan muntah-muntah.

Sebelum menggunakan EMEND

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan makan EMEND jika anda alah terhadap mana-mana bahannya.

- Sebelum mula menggunakan Emend

Beritahu doktor tentang perkara-perkara yang berikut, jika berkenaan dengan anda:

- masalah kesihatan yang pernah ataupun yang masih dihadapi.
- alahan.
- semua ubat yang sedang anda guna ataupun yang anda bercadang untuk guna, termasuk ubat yang boleh anda dapati tanpa preskripsi ataupun produk herba.
- intoleransi terhadap mana-mana jenis gula kerana ubat ini mengandungi sukrosa.

Penggunaan oleh kanak-kanak

Penggunaan EMEND belum dikaji terhadap kanak-kanak dengan secukupnya. Oleh itu, EMEND tidak harus diberikan kepada kanak-kanak yang belum mencapai usia 18 tahun.

Penggunaan oleh warga emas

Keberkesanan EMEND dan toleransi kepada EMEND adalah sama dalam golongan orang yang lebih tua dan orang dewasa yang masih muda. Dos tidak perlu diubah bagi orang tua.

- Jika menggunakan ubat-ubat lain

Jangan makan EMEND dengan pimozide (digunakan untuk merawat penyakit jiwa), terfenadine dan astemizole (digunakan untuk merawat alergi dan alergi yang lain) atau cisapride (digunakan untuk merawat penghadaman). Menggunakan EMEND dengan ubat-ubat ini boleh mengakibatkan **masalah yang serius ataupun yang mengancam nyawa.**

Doktor anda mungkin akan menentukan keberkesanan ubat-ubat anda yang lain jika anda makan ubat-ubat tersebut bersama-sama dengan EMEND, seperti:

- ubat antikeresahan (seperti alprazolam)
- ubat pencegah kehamilan (yang mungkin tidak bertindak dengan baik)
- warfarin (ubat pencair darah)
- ketoconazole (ubat antikulat)
- rifampin atau clarithromycin (antibiotik)
- paroxetine (ubat untuk merawat beberapa jenis kemurungan)
- diltiazem (ubat untuk merawat tekanan darah yang tinggi)
- dexamethasone (sejenis Cortikosteroid untuk merawat keradangan)
- Carbamazepine (ubat untuk merawat sawan)
- St John's Wort (ubat herba untuk merawat gangguan mental)
- tolbutamide (ubat untuk merawat penyakit kencing manis)
- phenytoin (ubat untuk merawat sawan)

Cara menggunakan EMEND

- Berapa banyak harus digunakan dan bila perlu digunakan

Rejimen EMEND 3 Hari

- **Hari 1 (Hari Kemoterapi):** EMEND 125 mg akan diberikan kepada anda untuk dimakan 1 jam sebelum anda memulakan rawatan kemoterapi pada Hari 1.
- **Hari 2 dan Hari 3 (kedua-dua hari selepas kemoterapi):** Makan satu

EMEND[®] KAPSUL

Aprepitant (80 mg, 125 mg)

kapsul 80 mg EMEND setiap pagi selama 2 hari selepas anda menjalani rawatan kemoterapi.

EMEND boleh dimakan berserta makanan ataupun tanpa makanan.

- Berapa lama perlu digunakan
EMEND digunakan selama 3 hari.

- Jika terlupa menggunakan
Cuba makan EMEND seperti yang dipreskripsikan. Walau bagaimanapun, jika anda terlupa memakan satu dos, hubungi doktor anda untuk mendapatkan arahan selanjutnya.

- Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Jika anda termakan melebihi dos yang dipreskripsikan, hubungi doktor anda dengan segera. Rasa mengantuk dan sakit kepala dilaporkan berlaku pada seorang pesakit yang termakan terlalu banyak aprepitant.

Semasa menggunakan EMEND

- Perkara yang perlu lakukan
Beritahu doktor jika anda:

- Hamil atau bercadang untuk hamil; dan
- Sedang atau bercadang untuk menyusukan anak dengan susu badan.

EMEND harus digunakan semasa hamil dan semasa menyusukan anak dengan susu badan hanya jika manfaat yang mungkin diperoleh mewartakan risiko yang boleh mengancam si ibu dan janinnya.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Ingatlah bahawa doktor telah mempreskripsikan ubat ini hanya untuk anda. Jangan berikan ubat ini kepada orang lain.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Pemakanan yang baik penting untuk semua orang, tetapi lebih penting lagi bagi mereka yang sedang menjalani kemoterapi. Memakan sedikit-sedikit dengan kerap atau mengambil snek sebelum menjalani rawatan kemoterapi juga boleh membantu anda bertoleransi dengan lebih baik. Bincang dengan ahli profesional kesihatan anda untuk mendapatkan maklumat selanjutnya.

Kesan-kesan sampingan

Mana-mana ubat pun boleh memberikan kesan yang tidak diingini, yang digelar kesan sampingan.

Sama seperti semua ubat yang lain, EMEND juga boleh menyebabkan kesan sampingan. Dalam kajian yang telah dijalankan, kesan sampingan lazimnya ringan atau sederhana. Kesan sampingan ini pada amnya tidak menyebabkan seseorang itu berhenti memakan EMEND.

Kesan sampingan yang paling biasa berlaku dalam kalangan pesakit kanser yang mengikuti regimen EMEND 125 mg atau 80 mg merangkumi seduh, letih, sembelit, sakit kepala, ketidakhadaman, peningkatan enzim hati dan hilang selera makan.

Kesan sampingan yang berikut pernah dilaporkan dengan

penggunaan am EMEND:

- Tindak balas alergi, yang mungkin serius, termasuk geligata, ruam dan gatal-gatal, yang boleh menyebabkan kesukaran bernafas atau kesukaran menelan. Jika anda mengalami tindak balas alergi, berhenti memakan EMEND dan hubungi doktor anda dengan segera.
- Tindak balas kulit yang teruk juga boleh tetapi jarang-jarang sekali berlaku.

Kesan sampingan yang lain juga boleh berlaku dengan jarang dan sama seperti mana-mana ubat yang lain, ada yang mungkin serius. Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan maklumat selanjutnya. Mereka ada senarai kesan sampingan yang lebih lengkap. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda dengan segera tentang simptom ini atau tentang apa-apa simptom lain yang luar biasa.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui [laman web npra.gov.my](http://lamanweb.npra.gov.my) [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*]

Cara penyimpanan dan pelupusan EMEND

- Penyimpanan

- Simpan EMEND pada atau di bawah suhu 30°C.
- Simpan EMEND dan semua ubat dengan selamat, jauh daripada kanak-kanak.

EMEND[®] KAPSUL

Aprepitant (80 mg, 125 mg)

- Pelupusan

- Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh yang ditunjukkan selepas EX (atau EXP) yang tertulis pada bungkusan. Dua angka pangkal menunjukkan bulan, manakala dua angka pertama menunjukkan tahun.
- Jangan mengambil EMEND jika anda mendapati perubahan dalam penampilan pada produk tersebut. Hubungi doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan buang ubat ini bersama-sama air buangan atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi tentang cara membuang ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah begini akan membantu memelihara alam sekitar.
- Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut daripada doktor atau ahli farmasi anda, yang mempunyai maklumat yang lebih terperinci.

Maklumat lanjut

- Rupa and warna produk

Kapsul EMEND 125mg: Kapsul gelatin yang keras, legap, berwarna putih dan merah jambu, dan tercetak dengan “462” dan “125mg” dengan dakwat hitam.

Kapsul EMEND 80mg: Kapsul gelatin yang keras, legap, berwarna putih dan tercetak dengan “461” dan “80mg” dengan dakwat hitam.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:

EMEND 125mg – 125mg
aprepitant dalam setiap kapsul

EMEND 80mg – 80mg
aprepitant dalam setiap kapsul

- Bahan-bahan tidak aktif:

- sucrose
- microcrystalline cellulose
- hydroxypropyl cellulose
- sodium lauryl sulphate
- micronized sodium lauryl sulfate
- microcrystalline cellulose beads

- Nombor MAL

EMEND 125MG –
MAL15065039ACRZ

EMEND 80MG –
MAL15065038ACRZ

Pengilang

Alkermes Pharma Ireland Limited,
Monksland, Athlone, Co.
Westmeath,
Ireland.

Pemegang Pendaftaran Produk

Merck Sharp & Dohme (Malaysia) Sdn. Bhd.
Lot No. B-22-1 & B-22-2, Level 22
The Ascent, Paradigm No. 1
Jalan SS 7/26A, Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya
Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

02/09/2022 (versi 042021b)

Nombor siri

NPRA (R1/3) 01092022/268